

Garis panduan pemerolehan jimatkan GLC RM9b setahun

Oleh MUSTAPHA KAMAL BASRI
dan JOHARDY IBRAHIM

jelang akhir tahun dan mereka juga dijangka menyiapkan penilaian masing-masing dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

GLC mewakili 36 peratus daripada nilai pasaran modal Malaya, membentuk lima peratus daripada keseluruhan pengeluaran negara dan menggaji kira-kira 400,000 tenaga kerja.

Abdullah berkata, sebagaimana dibuktikan oleh lain-lain syarikat yang berjaya, fungsi pemerolehan yang dipertingkatkan akan memberi manfaat besar kepada GLC.

"Ia membolehkan GLC memberi fokus ke atas kemajuan operasi dan inisiatif bagi meningkatkan daya saing mereka.

"Jika potensi penjimatan daripada pemerolehan boleh direalisasikan, tekanan untuk mengurangkan tenaga kerja atau lain-lain langkah seumpamanya boleh dikurangkan," katanya.

Abdullah berkata, penjimatan itu juga boleh digunakan untuk program pembangunan modal insan bagi mewujudkan pangkalan pengetahuan dan kemahiran bagi daya saing masa depan.

Perdana Menteri berkata, garis panduan *Buku Merah* itu juga selari dengan matlamat Pembangunan Nasional, seperti tertera dalam Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Alat seperti e-perolehan dan e-bida akan membantu pemprosesan secara automatik dan menghehadkan interaksi manusia.


"Mengukuhkan kontrak pembekal juga akan mengurangkan kegiatan tidak beretika," katanya.

Dengan kaedah itu juga, ujarnya, GLC akan terdorong untuk menyokong pembangunan vendor-vendor mereka, yang akan memberi sumbangan produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Perdana Menteri berkata, sejajar dengan tadbir urus korporat yang baik, pelaksanaan garis panduan *Buku Merah* harus dipacu oleh Lembaga Pengarah GLC.

Buku Merah ini menjadi lebih penting memandangkan peningkatan harga bahan api dan lain-lain kos yang memberi kesan besar ke atas harga barang

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop memegang *Buku Merah* dan *Buku Hijau* pada majlis pelancaran Program Transformasi GLC di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 26 April
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, garis panduan pemerolehan bagi 15 syarikat milik kerajaan (GLC) utama berpotensi menjimatkan syarikat-syarikat itu antara RM4 bilion dan RM9 bilion setahun.

Perdana Menteri berkata, garis panduan yang diperkenalkan melalui *Buku Merah* yang dilancarkan hari ini amat penting untuk menggalakkan 15 GLC berkenaan mengamalkan keberkesanan kos bagi meningkatkan daya saing selain membantu membanteras rasuah dalam pengurusanannya.

"Buku Merah ini menjadi lebih penting memandangkan peningkatan harga bahan api dan lain-lain kos yang memberi kesan besar ke atas harga barangan secara umum.

"Garis panduan itu juga akan membantu GLC mengukuhkan prosedur pemerolehan untuk mengurangkan rasuah dan salah guna kuasa dalam rantaian pembekalan," katanya.

Menurut Abdullah, pemerolehan merupakan aspek penting dalam program transformasi GLC bagi mewujudkan syarikat yang lebih cekap dan tidak berbelanja besar.

Tambahnya, 15 GLC itu membelanjakan kira-kira RM50 bilion setahun untuk pemerolehan barangan dan perkhidmatan yang menyamai kira-kira 10 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semasa.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian semasa berucap pada pelancaran *Buku Merah* dan *Buku Hijau* - buku panduan bagi meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah GLC - pada sesi taklimat terkini Program Transformasi GLC, di sini hari ini.

Menurut beliau, GLC tersenarai dijangka menggunakan *Buku Merah* men-